

Terma dan Syarat untuk Maybank Home²u oleh MAE by Maybank²u

Sila baca Terma dan Syarat ini dengan teliti kerana ia terpakai dan mengawal selia penggunaan Maybank Home²u (“Maybank Home²u”) anda. Dengan bersetuju, mengakses atau menggunakan Maybank Home²u atau mana-mana bahagian daripadanya, sama ada melalui peranti mudah alih dan/atau apa-apa peranti elektronik lain yang tersedia, anda bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.

Maybank Home²u ialah perkhidmatan yang disediakan oleh Maybank melalui pelbagai saluran elektronik, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan aplikasi mudah alih Maybank2u (“Aplikasi”). Oleh yang demikian, Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat untuk aplikasi mudah alih Maybank2u dan terma-terma dan syarat-syarat lain yang terpakai oleh Perkhidmatan Perbankan yang berkenaan disediakan oleh Kumpulan Maybank tanpa had atau syarat.

Dari masa ke semasa, kami boleh meminda Terma dan Syarat ini, yang mana kami akan, tertakluk pada pemberian notis terdahulu dua puluh satu (21) hari, dan memaklumkan pindaan tersebut melalui beberapa kaedah termasuk pengumuman di laman web Maybank2u dan/atau aplikasi Maybank2u. Penggunaan Home²u yang berterusan selepas apa-apa pindaan akan dianggap sebagai penerimaan terhadap perubahan tersebut.

Sekiranya anda tidak bersetuju dengan Terma dan Syarat ini atau pindaan berkenaan, sila jangan teruskan dan segera hentikan akses dan/atau penggunaan Maybank Home²u anda.

1. TAKRIFAN

Takrifan berikut terpakai melainkan dinyatakan selainnya:-

“**anda**” merujuk kepada pelanggan Kumpulan Maybank yang (i) menggunakan platform Maybank Home²u untuk menyemak imbas dan/atau memilih harta tanah, menyemak kelayakan gadai janji atau memohon produk gadai janji.

“**kami**” merujuk kepada Malayan Banking Berhad dan anak syarikat kami, sama ada secara individu dan/atau secara kolektif mengikut kesesuaian konteks (secara kolektif “Kumpulan Maybank”).

“**Rakan Kongsi Pemaju**” merujuk kepada senarai harta tanah dari pemaju harta tanah yang tersenarai pada platform Maybank Home²u.

“**Rakan Maybank Home²u**” merujuk kepada Rakan Bersepadu Maybank yang menawarkan perkhidmatan Maybank Home²u di laman web atau platform mereka.

“**Senarai**” merujuk kepada Hartanah dan Projek oleh Rakan Kongsi Pemaju kami yang dipaparkan pada platform Maybank Home²u.

“**Platform Rakan Maybank Home²u**” merujuk kepada platform tempahan harta tanah yang disediakan oleh Rakan Maybank Home²u kami.

2. KELAYAKAN

Maybank Home²u ditawarkan kepada pengguna individu. Untuk menggunakan aplikasi ini, anda bersetuju untuk memuat turun dan memasang Aplikasi Maybank2u atau memberi kebenaran kenapa mana-mana Rakan Maybank Home²u untuk menggunakan Maybank Home²u.

Maybank Home²u bukan untuk digunakan oleh mana-mana orang yang belum mencapai umur sah (cth. kanak-kanak bawah umur) atau, orang yang tidak berupaya menguruskan hal ehwal mereka sendiri atau kurang upaya mental. Jika anda termasuk dalam mana-mana kategori ini, sila keluar dari platform kami dengan segera. Dengan penggunaan berterusan platform kami, anda menjamin bahawa anda telah mencapai umur sah dan berfikiran waras untuk mengakses perkhidmatan/produk di platform kami.

3. PERMOHONAN

Senarai di Platform kami bertujuan sebagai makluman sahaja dan tidak boleh ditafsirkan sebagai cadangan atau nasihat. Jika anda memilih untuk meneruskan permohonan gadai janji bagi apa-apa hartaanah tersenarai, anda bersetuju bahawa ia adalah atas inisiatif atau kerelaan anda sendiri. Anda perlu membuat pertimbangan yang teliti dan kami mengesyorkan anda mendapatkan nasihat profesional sebelum membuat keputusan atas apa-apa permohonan.

4. MAKLUMAT

Kami tidak menjamin bahawa kandungan, pautan atau subdomain yang terkandung pada, atau dikaitkan dengan Platform kami akan tersedia dan boleh diakses oleh anda pada setiap masa. Kami boleh menukar laluan atau lokasi pautan atau subdomain, atau mengubah hala kandungan yang terkandung dalam pautan atau subdomain pada Platform kami pada bila-bila masa tanpa notis terdahulu. Kami tidak menjamin bahawa mana-mana pautan yang anda kirimkan akan kekal berterusan pada masa anda memajukan atau mengongsikannya, kerana ia tertakluk kepada perubahan pada bila-bila masa tanpa notis kepada anda.

Kami bertanggungjawab menyelenggara platform dan semua penerbitan kami. Kami tidak memberi jaminan tentang ketepatan atau kebolehpercayaan maklumat yang terkandung di dalamnya (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, apa-apa kandungan atau maklumat yang dijana pada Platform kami oleh atau bagi pihak Rakan Kongsi Pemaju kami, dan apa-apa Kandungan Pihak Ketiga pada Platform kami). Kami menafikan semua liabiliti dan tanggungjawab atas apa-apa kerugian atau kerosakan langsung atau tidak langsung yang boleh dialami oleh anda akibat bergantung pada apa-apa yang terkandung atau tidak dimasukkan dalam Platform atau penerbitan kami.

5. SEKATAN PENGGUNAAN PLATFORM

Apabila mengakses atau menggunakan Platform kami, anda bersetuju bahawa anda tidak akan:-

- a. Menggunakan apa-apa peranti, perisian, proses atau cara untuk mengakses, mendapatkan semula, mengumpul data (*scrape*) atau mengindeks Platform kami atau apa-apa kandungan pada Platform kami;
- b. Menggunakan apa-apa peranti, perisian, proses atau cara untuk mengganggu atau cuba mengganggu proses kerja pada Platform kami;
- c. Melakukan apa-apa tindakan yang akan membebankan atau menyebabkan aliran trafik yang berlebihan atas infrastruktur kami yang kami anggap, mengikut budi bicara mutlak kami, sebagai penggunaan laman yang tidak munasabah atau tidak seimbang;
- d. Menggunakan atau mengindeks apa-apa kandungan atau data pada Platform kami untuk tujuan:
 - i. Membina atau mengisi pangkalan data hartaanah yang boleh dicari (*searchable*),
 - ii. Membina pangkalan data atau maklumat hartaanah; atau
 - iii. Bersaing dengan kami dalam apa jua cara yang kami tidak memberi kebenaran khusus;
- e. Menghantar spam, surat berantai, peraduan, e-mel sampah (junk), tinjauan atau pemesejan massa lain, sama ada bersifat komersial atau tidak;

- f. Menggunakan Platform kami atau mana-mana kandungan daripada Platform kami dalam apa-apa cara yang, mengikut budi bicara kami, tidak munasabah dan/atau bukan untuk tujuan ia disediakan;
- g. Melanggar hak mana-mana orang, termasuk hak cipta, rahsia perdagangan, hak privasi, atau apa-apa harta intelek atau hak milikan yang lain;
- h. Menyamar sebagai mana-mana orang atau entiti atau cuba mendapatkan wang, kata laluan atau maklumat peribadi daripada mana-mana orang;
- i. Melakukan tindakan yang melanggar mana-mana Terma Penggunaan atau syarat lain yang diberikan oleh kami atau mana-mana undang-undang yang terpakai;
- j. Menghasilkan semula, menerbitkan semula, menghantar semula, mengubah suai, mengadaptasi, mengedar, menterjemah, mencipta karya terbitan atau adaptasi, memaparkan secara terbuka, menjual, berdagang, atau dalam apa-apa cara mengeksplorasi Platform kami atau mana-mana kandungan pada Platform kami, kecuali yang dibenarkan secara nyata oleh kami; atau
- k. Menghantar atau cuba menghantar apa-apa virus komputer, *cecacing*, *kecacatan*, *Trojan horses* atau item lain yang bersifat merosakkan

Kami berhak untuk menggunakan apa sahaja cara yang kami anggap perlu untuk menghalang akses tanpa kebenaran atau penggunaan Platform kami, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, mendirikan halangan teknologi, atau melaporkan tingkah laku anda kepada mana-mana orang atau entiti.

6. HAK CIPTA

Bidang subjek yang ada pada dan boleh diakses daripada Platform dan penerbitan kami adalah dilindungi di bawah Akta Hak Cipta 1987. Selain daripada urus niaga saksama yang dibenarkan oleh Akta Hak Cipta 1987 Malaysia, kami memberikan pelawat kebenaran untuk memuat turun bahan hak cipta hanya untuk tujuan peribadi dan bukan komersial. Untuk pengeluaran semula atau menggunakan bahan hak cipta kami di luar penggunaan tersebut, kebenaran bertulis mesti diperolehi secara terus daripada kami atau pemilik hak cipta yang berkaitan. Jika diberikan, kebenaran adalah tertakluk kepada keperluan bahawa perakuan nama pemilik hak cipta dan kepentingan terhadap bahan itu diberikan apabila bahan itu diterbitkan semula atau dipetik sama ada secara keseluruhan atau sebahagian .

7. PAUTAN PIHAK KETIGA DAN PENGIKLANAN

Platform kami boleh merangkumi iklan, hiperpautan dan petunjuk kepada Platform yang dikendalikan oleh pihak ketiga. Pautan ke Platform pihak ketiga termasuk, tanpa had, pautan ke Platform Rakan Maybank Home² kami. Platform pihak ketiga itu bukan sebahagian daripada platform kami dan bukan bawah kawalan atau tanggungjawab kami. Apabila anda memaut ke Platform tersebut, anda meninggalkan platform kami dan melakukannya atas risiko anda sendiri sepenuhnya. Kami tidak memberi jaminan tentang ketepatan atau kebolehpercayaan maklumat yang terkandung pada mana-mana Platform pihak ketiga, dan kami menafikan semua liabiliti dan tanggungjawab atas apa-apa kerugian atau kerosakan langsung atau tidak langsung yang boleh dialami oleh anda melalui pergantungan pada apa-apa yang terkandung atau ditinggalkan daripada Platform pihak ketiga tersebut. Paparan pengiklanan tidak mengimplikasikan pengesahan atau pengesyoran oleh kami.

8. MEDIA YANG DIMUAT NAIK (“*Media Uploads*”)

Dalam bahagian ini, 'Media Yang Dimuat Naik' bermaksud maklumat termasuk data, teks, video, imej pegun, audio atau bahan lain yang anda telah putuskan untuk dikongsi, disimpan atau dimuat naik pada Platform kami bawah Folder Dokumen atau Sembang (*Chat*), seperti yang dibenarkan bawah syarat ini.

Kami boleh pada bila-bila masa, tanpa liabiliti kepada anda, membuang, mengubah atau melumpuhkan akses kepada mana-mana atau kesemua Media Yang Dimuat Naik anda mengikut budi bicara mutlak kami tanpa notis awal kepada anda. Tanpa mengehadkan ayat sebelumnya, kami boleh membuang atau

melumpuhkan akses kepada mana-mana atau kesemua Media Yang Dimuat Naik anda jika kami menganggap bahawa:

- a. Media Yang Dimuat Naik itu melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan;
- b. Media Yang Dimuat Naik itu adalah:
 - a. Mengelirukan atau memperdaya;
 - b. Tidak wajar berdasarkan tujuan Platform kami;
 - c. Menyinggung perasaan;
 - d. Lucah;
 - e. Selainnya menyalahi undang-undang atau
 - f. Rosak, disebabkan kewujudan virus atau kod lain yang melumpuhkan.

9. KANDUNGAN EDITORIAL

Apa-apa kandungan editorial atau artikel pada Platform kami adalah bersifat umum sahaja dan tidak mengambil kira objektif peribadi, keadaan kewangan atau keperluan tertentu anda. Kandungan editorial tidak boleh dianggap sebagai nasihat atau dipercayai oleh anda atau mana-mana orang lain dan kami mengesyorkan anda mendapatkan nasihat profesional sebelum bertindak atas kandungan tersebut.

10. RAKAN MAYBANK HOME^{2U}

Dengan mengakses Maybank Home^{2u} melalui tapak Rakan Maybank Home^{2u}, anda bersetuju untuk berkongsi maklumat anda dengan Kumpulan Maybank, dan data peribadi dan perniagaan anda boleh diproses oleh Kumpulan Maybank atau agensi pelaporan kredit terpilih Maybank mengikut Akta Agensi Pelaporan Kredit 2020 (CRA) dan Akta Bank Negara Malaysia 2009. Data akan dikumpul, diproses dan digunakan oleh Kumpulan Maybank mengikut Penyata Privasi Kumpulan Maybank, yang tersedia di www.maybank2u.com.my.

11. UMUM

- a. Anda bersetuju terhadap pengumpulan, penggunaan dan pendedahan data peribadi anda (termasuk butiran hubungan) oleh kami, ahli gabungan kami, pembekal perkhidmatan kami, ejen kami dan Rakan Kongsi Pemaju kami seperti yang diperlukan untuk tujuan memudahkan semakan kelayakan gadai janji anda dan/atau proses permohonan.
- b. Sebarang pertanyaan dan/atau aduan boleh diajukan kepada talian hotline Khidmat Pelanggan Kumpulan Maybank di 1-300 88 6688 atau 603-78443696 (luar negara) pada bila-bila masa dan pada mana-mana hari (termasuk hari cuti).
- c. Terma dan Syarat ini ditadbir oleh dan hendaklah ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan mahkamah Malaysia adalah mempunyai bidang kuasa eksklusif atas perkara yang berkaitan dengan Terma dan Syarat ini.